

29 JAN 2000

Khalil-Penerangan

BAHAGIAN KHAS JABATAN PENERANGAN DISUSUN SEMULA

BANGI, 29 Jan (Bernama) -- Bahagian Khas Jabatan Penerangan akan disusun semula bagi menjadikannya satu bahagian yang akan bertanggungjawab menangani fitnah dan pembbohongan serta memperjelaskan isu-isu semasa dan perkara berkaitan dasar kerajaan.

Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob berkata bahagian itu juga akan bertanggungjawab menangani isu berkaitan agama.

Katanya pada masa ini Jabatan Penerangan mempunyai bahagian serta pegawai penerangan yang bertugas memberi penjelasan mengenai dasar kerajaan dan mengumpulkan maklumbalas orang ramai.

Bagaimanapun ia tidak mempunyai bahagian atau pegawai yang boleh menjawab dan menjelaskan isu dan hal-hal yang dibangkitkan orang ramai.

"Bab itu yang kita hendak wujudkan supaya ada satu pihak mengumpul maklumbalas manakala isu-isu yang dibangkitkan dan ada apa-apa berita yang sengaja diselewengkan, ada pihak (pula) yang boleh menjelaskan secara nyata perkara-perkara yang kita kumpulkan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Pelajar Perhubungan Awam 2000 Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), di sini hari ini.

Beliau berkata bahagian khas itu akan dianggotai pegawai-pegawai khas penerangan yang sedia ada dan mereka merupakan kakitangan terlatih yang tahu bagaimana hendak menjawab serta menjelaskan isu-isu yang dibangkitkan.

"Kita perlukan satu kumpulan pegawai yang terlatih dalam pelbagai bidang untuk menjawab isu-isu yang timbul di peringkat bawah," katanya.

Khalil turut memberi contoh apabila penyebaran surat-surat yang kononnya ditulis Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada Perdana Menteri Israel Ehud Barak bahawa Malaysia hendak mewujudkan hubungan diplomatik dan perdagangan, ia dapat dikumpulkan tetapi malangnya pegawai penerangan tidak tahu bagaimana hendak menjawab dan memberi penjelasan tentang perkara itu.

"Jadi tindakan kita lewat dan cara hendak menjawab pun tidak berapa sesuai," katanya.

Oleh itu kementerian memerlukan satu bahagian yang mempunyai pegawai-pegawai berkebolehan dan berkemampuan "membaca dan mengumpulkan maklumat" untuk menjelaskan sesuatu isu dan perkara yang ditimbulkan.

Beliau berkata pengwujudan bahagian itu bukan berkaitan dengan politik tetapi lebih mengenai penjelasan dasar-dasar kerajaan dan sekarang ini isu-isu yang banyak melibatkan hal agama.

Ditanya mengenai siapa yang akan mengetuai bahagian itu selepas disusun semula, Khalil berkata ia akan diumumkan kemudian.

"Ia sebahagian daripada Jabatan Penerangan, cuma kita pecah sahaja. Ia bukanlah baru (dalam erti kata) kita hendak wujudkan jabatan baru sebab kita (kerajaan) pun tidak menggalakkan penambahan jabatan-jabatan dan mengambil pegawai-pegawai baru, jadi kita pisahkan sahaja dan buat penyesuaian untuk selari dengan keperluan semasa," katanya.

Ditanya sama ada penjelasan dan penerangan yang dilakukan oleh pucuk pimpinan dan anggota pentadbiran kerajaan seperti yang dilakukan sekarang tidak memadai, beliau berkata terdapat pelbagai cerita dan penyelewengan maklumat yang disebarkan termasuk menerusi Internet di kalangan masyarakat umum, tidak dapat ditangani.

"Di kalangan masyarakat umum seperti di kedai-kedai kopi, macam-macam cerita disebarkan dan ia perlu dibetulkan... kita tidak mahu orang ramai mengekalkan persepsi apa yang didengar itu sebagai betul kerana ia

kadangkala hanyalah cerita-cerita yang sengaja diwujudkan," katanya.  
Ditanya bila bahagian itu akan digerakkan, Khalil berkata bahagian itu sedang disusun semua dan akan beroperasi segera.

-- BERNAMA

HS RON